

**KENANGAN.....**  
**Dr Ismail (tiga**  
**kiri) menerima**  
**cendera mata**  
**daripada Dayang**  
**Rukiah**  
**diperhatikan**  
**pegawai kanan**  
**Perpustakaan**  
**UMS di Bilik**  
**Mesyuarat**  
**Eksekutif Tingkat**  
**13, Bangunan**  
**Menara UMSKAL,**  
**kelmarin.**



# Ketua Pustakawan UMS kunjungi Pengarah UMS-KAL

NST 12.5.2013 8

**LABUAN:** Ketua Pustakawan Universiti Malaysia Sabah (UMS), Dayang Rukiah Ag. Amit telah membuat kunjungan hormat terhadap Pengarah Universiti Malaysia Sabah, Kampus Antarabangsa Labuan (UMSKAL), Prof Madya Dr Ismail Ali, kelmarin.

Kedua-dua pihak mengadakan perbincangan di Bilik Mesyuarat Eksekutif, Tingkat 13, Bangunan Menara UMSKAL.

Dayang Rukiah disertai empat pegawai kanan Perpustakaan UMS iaitu Timbalan Ketua Pustakawan Kanan, Haji Zawawi Tiyunin, Timbalan-Timbalan Ketua Pustakawan, Sabarudin Mamat dan Anne Michael serta Penolong Pendaftar, Sharon Tan.

Turut hadir Dekan Sekolah Perniagaan dan Kewangan Antarabangsa Labuan (SPKAL), Prof Madya Dr Syed Nasirin Syed Zainul Abidin, Dekan Sekolah Sains Informatik Labuan (SSL), Dr Ag Asri Ag Ibrahim dan Pustakawan Kanan UMSKAL, Baharin Entoh.

Hadir sama Penolong Bendahari Kanan, Muhajirah Muchlis dan Pustakawan UMSKAL, Dg Ruhida Raflee.

Selain kunjungan hormat, Dayang Rukiah turut mempergunakan Mesyuarat Pengurusan Perpustakaan UMS Bil 2/2013 di Bilik Mesyuarat Perpustakaan UMSKAL dan mengadakan perjumpaan dengan kakitangan.

Dr Ismail berharap Perpustakaan UMSKAL akan menjalin hubungan dengan Perpustakaan Awam Perbadanan Labuan, sekolah dan penduduk tempatan yang mahu mendapatkan bahan bacaan berbentuk ilmiah.

Perpustakaan UMSKAL yang beroperasi dari Isnin hingga Jumaat (8.30 pagi – 11 malam) dan Sabtu hingga Ahad (8.30 – 5 petang) digunakan oleh pelajar dan kakitangan untuk menimba ilmu pengetahuan. - **OLEH JAINUDIN DJIMIN** (jainudin@newsabahtimes.com.my)



**LAWATAN...Menteri Pembangunan**  
**Sumber dan Kemajuan Teknologi**  
**Maklumat, Datuk Siringan Gubat dan**  
**Pembantunya, Datuk Hamisa Samat telah**  
**mengadakan lawatan ke KKIPC Sdn Bhd,**  
**AMC School dan Insight Sabah di Likas**  
**Square.**

Lawatan itu turut disertai Pengerusi KKIPC Sdn Bhd, Datuk Yee Moi Chai, Setiausaha Tetap Kementerian, Bruno Vun dan pegawai kerajaan.

Dalam kunjungan itu, Siringan dan Hamisa telah diberi penerangan mengenai status ketiga-tiga tempat yang dilawati dan merupakan salah satu anak syarikat di bawah Kementerian Pembangunan Sumber dan Kemajuan Teknologi Maklumat yang mengendalikan tentang teknologi maklumat.

Siringan dan Hamisa dibawa melawat KKIPC Sdn Bhd.